

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-**

- (a) sejauh mana penubuhan Pasaran Getah Serantau mampu meningkatkan kembali harga komoditi ini; dan
- (b) apakah rancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan dalam usaha tangani masalah ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Pasaran Getah Serantau (*Regional Rubber Market (RRM)*) merupakan salah satu inisiatif oleh negara-negara pengeluar getah utama di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* yang terdiri daripada Thailand, Indonesia dan Malaysia.

Pembangunan Pasaran Getah Serantau adalah bertujuan untuk melengkapkan peranan negara-negara pengeluar utama getah dalam penentuan harga getah fizikal serta mengurangkan kebergantungan kepada harga getah di pasaran hadapan getah seperti *Tokyo Commodity Exchange (TOCOM)*, *Shanghai Futures Exchange (SHFE)* dan *Singapore Exchange (SGX)*. Walaupun Thailand, Indonesia dan Malaysia yang keseluruhannya menyumbangkan sebanyak 68% pengeluaran getah asli dunia ketika ini, harga getah di negara-negara pengeluar getah tersebut masih lagi cenderung dipengaruhi oleh harga di pasaran hadapan Jepun, Singapura dan China.

Penubuhan Pasaran Getah Serantau bertujuan untuk menyediakan platform bagi menambahbaik kaedah penentuan harga getah fizikal FOB (*FOB Physical Rubber Price Discovery*) dan fungsi lindung nilai (*hedging functions*) yang lebih berkesan untuk kebaikan kedua-dua pengeluar dan pengguna getah di dunia. Penubuhan Pasaran

Getah Serantau tersebut mampu menjadikan harga getah di Pasaran Serantau sebagai penanda aras (*benchmark*) utama dunia.

Justeru, Pasaran Getah Serantau secara langsung memberikan impak positif dalam mengukuhkan peranan Thailand, Indonesia dan Malaysia menstabilkan harga getah asli yang tidak lagi dipengaruhi oleh pasaran hadapan yang bersifat spekulatif. Ini seterusnya memberikan faedah kepada para penggiat industri getah di Malaysia khususnya memastikan pendapatan yang menguntungkan kepada para pekebun kecil getah melalui harga getah yang lebih telus (*transparent*) dan mencerminkan pasaran yang sebenar (*reflective*).

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Bagi menangani masalah harga getah dalam jangka masa pendek, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan. Langkah tersebut ialah:
  - i. Melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG bagi SMR20 adalah RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* adalah RM2.20 sekilogram mulai 2016. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama; dan

- ii. Melaksanakan mekanisme penetapan harga peringkat ladang dengan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada para koperasi sebagai modal pusingan dalam aktiviti urusniaga getah. Langkah ini dapat mengurangkan lapisan pembeli serta dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang. Berdasarkan maklum balas, sehingga kini sebanyak 18 koperasi adalah terlibat dalam urusniaga getah dan menawarkan pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen.

Manakala bagi jangka masa panjang, beberapa langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan seperti berikut:

- i. Menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara terutama dalam sektor pengangkutan seperti bitumen getah dalam pembinaan jalan raya dan pelapik getah bagi landasan keretapi;
- ii. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah penghasilan produk-produk baru dan mempunyai nilai tambah berasaskan getah. Langkah ini dijangka akan meningkatkan penggunaan getah asli dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport;
- iii. Meneruskan bantuan untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru. Bantuan tanam semula yang diberikan kepada pekebun kecil ialah sebanyak RM14,000 di Sabah dan RM13,500 di Sarawak; dan

- iv. Menggalakkan pekebun kecil melibatkan dalam aktiviti pertanian lain melalui integrasi tanaman getah dengan lada dan lain-lain aktiviti pertanian.

Di peringkat antarabangsa, menerusi kerangka ITRC, ketiga-tiga negara telah bersetuju untuk melaksanakan '*Agreed Export Tonnage Scheme*' (AETS) bagi tempoh enam bulan mulai Mac hingga Ogos 2016. Di bawah mekanisme ini, ketiga-tiga negara akan menghadkan pengeksportan getah asli sebanyak 615,000 tan. Langkah ini dilaksanakan bagi mengelakkan kejatuhan harga getah asli yang berterusan.

Hasil daripada pelaksanaan tersebut, harga bagi SMR20 telah menunjukkan arah aliran yang meningkat dari RM4.73 sekilogram pada 1 Mac 2016 kepada RM5.24 sekilogram pada 28 Mac 2016. Harga tertinggi yang direkodkan setakat 28 Mac 2016 ialah RM5.49 sekilogram pada 7 Mac 2016.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ] (PKR)**

**SOALAN : 433**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah hasil siasatan Kerajaan terhadap pelaburan hartanah di Melbourne Australia yang dibuat oleh MARA Inc mendapati tindakan pelaburan itu betul, positif boleh diteruskan di masa-masa hadapan atau Kerajaan mesti mengambil tindakan kepada mereka yang bertanggung jawab atas pelaburan ini kerana peranan MARA bukan untuk membuat pelaburan di luar negara sebaliknya menumpukan perhatian kepada perkara yang asas khususnya dalam pendidikan anak-anak Bumiputera.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, tindakan awalan telah diambil oleh MARA dengan menggantung perkhidmatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif MARA Inc. Seterusnya kontrak kedua-dua mereka juga tidak disambung.

Isu ini sedang dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). MARA sentiasa bekerjasama dengan pihak SPRM dan beberapa pegawai MARA serta MARA Inc. telah dipanggil oleh SPRM untuk membantu siasatan kes ini. Tindakan selanjutnya adalah di bawah bidang kuasa SPRM.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ] (PKR)**

**SOALAN : 434**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terkini usaha MARA menubuhkan sebuah bank MARA. Bagaimana ianya dapat memberi manfaat kepada usahawan-usahawan kecil Bumiputera.



## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, ekosistem pembangunan keusahawanan MARA adalah integrasi di antara program pembiayaan perniagaan, latihan keusahawanan dan pembangunan industri & infrastruktur perniagaan.

Cadangan penubuhan Bank MARA adalah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan pembangunan keusahawanan. Antara manfaat yang akan diperolehi oleh usahawan ialah penawaran kemudahan perbankan yang bersesuaian dengan keperluan komuniti usahawan terutamanya usahawan di luar bandar. Produk perbankan yang ditawarkan adalah untuk menyokong pembangunan usahawan kecil dan sederhana terutamanya program pewujudan usahawan dan peningkatan usahawan sedia ada.

Pada masa kini, MARA sedang membina keupayaan dan menyediakan sumber kewangan yang kukuh sebelum menjadi sebuah Bank MARA menjelang tahun 2018.